

07 MAY 1997

Agong-Singapura (dengan gambar)

MALAYSIA, SINGAPURA PERLU SENSITIF DENGAN PERASAAN MASING-MASING

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berkata Malaysia dan Singapura, perlu sentiasa sensitif dengan perasaan masing-masing dalam semua perkara.

Beliau berkata hubungan kerjasama antara kedua-dua negara yang dipupuk sejak bertahun-tahun telah menghasilkan banyak faedah bersama.

"Bagaimanapun, sebagai jiran, kita perlu sentiasa peka dengan realiti yang menentukan hubungan kita," titah baginda selepas menerima watakah daripada Pesuruhjaya Tinggi Singapura yang baru ke Malaysia, Encik Kesavapany Krishnasamy di Istana Negara di sini hari ini. .

Baginda menekankan bahawa yang paling penting sekali dalam hubungan seperti ini ialah sikap sensitif terhadap perasaan masing-masing dalam semua perkara.

"Kita berpendapat bahawa beberapa fakta sejarah yang berkemungkinan menggugat hubungan kita, perlu diketepikan dalam usaha kita bekerjasama untuk faedah bersama," kata baginda.

Perlantikan Kesavapany dibuat ketika suasana murung dalam hubungan diplomatik antara kedua-dua negara berikutan dengan kenyataan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang menyifatkan Johor sebagai sebgau negeri "yang terkenal dengan rompakan, tembak-menembak dan curi kereta". Beliau menggantikan Encik Low Choon Ming.

Lee kemudiannya meminta maaf dan memadamkan perkataan-perkataan itu yang dibuatnya dalam afidavit mahkamah berhubung dengan satu kes saman terhadap anggota pembangkang negara itu, Tang Liang Hong.

Kerajaan Malaysia memaafkan Lee dan Perdana Menteri Datu Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam satu temu ramah dengan majalah Asiaweek yang terbaru berkata bahawa hubungan antara kedua-dua negara telah kembali seperti biasa.

Tuanku Ja'afar berkata kedua-dua negara bukan sahaja dekat dari segi geografi, tetapi juga berkongsi sejarah yang sama dan rakyat masing-masing telah mewarisi tradisi yang sama dan juga hubungan kekeluargaan.

Kata baginda kejiranan kedua-dua negara telah menawarkan peluang-peluang untuk kerjasama yang berfaedah dan ini hanya dapat dihasilkan sekiranya para pemimpin kedua-dua negara mengambil iktibar dari masa silam dan mengelakkan perselisihan di masa depan.

"Walaupun dengan banyak hubungan yang mengikat kita, kita juga perlu sedar bahawa negara kita berbeza, tetapi perbezaan-perbezaan kita ini tidak boleh dijadikan sebab untuk perpecahan dan sebaliknya perlu dipergunakan untuk membawa faedah kepada kedua-dua negara," kata baginda.

Terdahului dalam ucapan beliau, Kesavapany berkata kerajaan dan rakyat Singapura paling menghargai hubungan dua hala antara kedua-dua negara kerana Malaysia dan Singapura berhubung erat melalui tradisi budaya yang sama dan kedudukan dekat masing-masing dari segi geografi.

"Ikatan kekeluargaan dan rakyat ke rakyat telah menyumbang kepada hubungan yang unik antara kedua-dua negara kita, dan kerajaan Malaysia dan Singapura sentiasa berusaha mewujudkan dasar ekonomi yang bertujuan menggalakkan keamanan dan kemakmoran di rantau ini," kata baginda.

Kesavapany berkata Malaysia dan Singapura berkongsi pendapat dalam banyak bidang di peringkat serantau dan antarabangsa, dan mempunyai persamaan pendekatan terhadap nilai dan pentingnya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel dan ranka kerja Asean untuk kerjasama politik, ekonomi dan kebudayaan.

"Kita juga komited untuk memperkukuhkan Asean sebagai satu kuasa untuk keamanan dan kestabilan di rantau ini dan kita percaya bahawa kewujudan Asean-10 akan menyumbang ke arah kestabilan serantau dan memperingkatkan lagi kemakmoran untuk dinikmati oleh semua di rantau yang dinamik ini," katanya.

Kesavapaty yakin bahawa kerjasama ekonomi antara anggota-anggota Asean akan menyangga kestabilan politik, keselamatan, pembangunan ekonomi, sosial dan dan kebudayaan di rantau ini.

Tuanke Ja'afar yang juga menerima waticah dari Duta Portugal yang baru ke Malaysia, Dr Gabriel Mesquita de Brito, berkata terdapat peluang-peluang yang banyak untuk diterokai bagi memperluaskan dan memperdalamkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Portugal, khususnya kerjasama dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

"Malaysia dan Portugal dapat menjadi peserta penting kepada proses ASEM yang telah membuka lambaran baru dalam kerjasama antara rantau pada kadar yang lebih luas lagi, selain dari membuka peluang-peluang baru untuk saling menyokong berasaskan kepada perkongsian," kata baginda. -- BERNAMA

ZAB WAT